

BAB I

PENDAHULUAN

Diantara beberapa negeri Asia yang dilanda krisis ekonomi sejak Juli 1997, Indonesia mengalami kejatuhan ekonomi yang sangat drastik. Nilai mata wang Rupiah jatuh lebih daripada 80 peratus manakala pendapatan per-kapita domestik mengalami penyusutan sehingga 14.8 peratus pada tahun 1998. Dalam pada itu, peningkatan kadar inflasi ditunjukkan dengan lonjakan indeks harga barangan pengguna daripada 106.2 pada tahun 1997 (1996=100) menjadi 167.8 pada 1998 dan terus meningkat kepada 210.3 pada tahun 2000 (ADB 2001). Kejatuhan ekonomi tersebut diperburuk oleh ketak-stabilan politik nasional, kerusuhan sosial yang meluas, perbalahan antar suku/ ras dan antar umat beragama, serta ditandai pula oleh tidak konsistennya kebijakan ekonomi yang diambil oleh pemerintah Indonesia.

Kejatuhan ini tersangat ironi mengingat dalam beberapa tahun sebelumnya Indonesia mendapatkan pujian daripada World Bank sebagai salah satu keajaiban ekonomi Asia. Ianya berjaya menempatkan asas ekonomi secara benar (World Bank 1993) dan mencatat prestasi pertumbuhan ekonomi yang cukup tinggi. Antara tahun 1960 dan 1995, purata pertumbuhan KDNK nyata perkapita mencapai 4.1 peratus (Barro 2001) bahkan antara tahun 1991 dan 1995 purata pertumbuhan KDNK mencapai 7.8 peratus (Hill 1999). Kadar kemiskinan berhasil ditekan daripada 64.3 peratus pada tahun 1975 menjadi 11.3 peratus pada tahun 1996 (Hill 1999). Selain prestasi pertumbuhan ekonomi, indikator-

indikator sektor sosial, kesehatan dan pendidikan juga memperlihatkan kemajuan yang cukup berarti¹.

Hujah mengenai punca terjadinya krisis kewangan dan kejatuhan ekonomi di Indonesia, seperti juga di negeri-negeri Asia lain tidak habis-habisnya diberikan oleh pakar-pakar ekonomi. Secara amnya, Jomo (1998), Montes (1998) dan Hill (1999) mengatakan bahawa buruknya pengelolaan dari program keterbukaan sistem kewangan (*financial liberalization*), khasnya sistem kewangan yang tidak memiliki penguat-kuasaan ketentuan-ketentuan sediada dan pengawasan yang berkesan adalah punca utama krisis tersebut wujud. Terlalu banyaknya (*excessive*) kemasukan modal asing atau hutang luar negeri yang terutamanya dilakukan oleh sektor swasta adalah juga faktor penting disebalik krisis tersebut (lihat juga Djiwandono 1998). Ianya juga dipengaruhi oleh ketak-mampuan pemerintah Indonesia dalam menjalankan program keterbukaan tersebut dan mengendalikan pasaran secara berkesan" (Pincus & Ramli 1998).

Mengikut beberapa pakar yang lain, faktor-faktor luaran juga diyakini ikut berperan dalam menjelaskan mengapa krisis ekonomi di Asia boleh berlaku. Diantaranya adalah devaluasi nilai mata wang China dan resesi ekonomi di Jepun serta naiknya nilai mata wang dollar AS yang menyebabkan ekspor dari Indonesia, dan juga negeri-negeri Asia Timur lainnya menjadi kurang kompetitif (Hewitt 1999). Hill (1999) sebagaimana beberapa pakar ekonomi lainnya, juga yakin bahawa sistem kewangan antarbangsa yang tidak stabil, khasnya pasar modal merupakan salah satu faktor penyebab disebalik krisis ekonomi Indonesia dan Asia.

Dalam konteks global, krisis kewangan Indonesia dan negeri-negeri Asia lainnya telah memperpanjang daftar kejadian krisis di seluruh dunia. Dalam sejarah ekonomi dunia, salah satu krisis kewangan yang terawal yang terjadi ialah "krisis bunga tulip" di negeri Belanda pada pertengahan abad 16, kemelesetan di Amerika Syarikat pada 1930'an, krisis di negeri-negeri Latin Amerika pada pertengahan 1970'an dan 1990'an dan krisis kewangan di Rusia pada tahun 1999 serta Argentina baru-baru ini pada tahun 2001-2002.

Pemahaman mengenai proses berlakunya suatu krisis ekonomi memerlukan analisa mendalam dan tidak dapat dijelaskan secara ringkas oleh satu sebab sahaja. Ianya merupakan interaksi daripada pelbagai sebab yang kompleks dan berhubung-kait dengan faktor-faktor psikologi kewangan. Penjelasan terhadap hal ini juga harus mengambil-kira fakta bahawa krisis ekonomi terus berlaku, meskipun dalam dimensi yang berbeza-beza di seluruh dunia, sehingga mendapatkan pemahaman menyeluruh mengapa "la' (krisis kewangan) dapat berlaku.

Salah satu titik awal analisa yang dapat dilakukan dalam menjelaskan krisis kewangan di Indonesia dan negara-negara Asia lainnya ialah analisa terhadap sistem kewangannya. Kerapuhan dan ketak-stabilan daripada sistem kewangan semakin dilihat sebagai salah-satu sebab utama terjadinya krisis kewangan tersebut dan ianya mungkin merupakan suatu yang bersifat *endogenous*.

Dalam hal ini, usaha yang dilakukan oleh Minsky, dan kemudian oleh Kindleberger serta pakar-pakar ekonomi fahaman *Post-Keynesian*, untuk menjelaskan mengapa krisis kewangan boleh berlaku dirasakan amat penting dan lebih berkesan dibandingkan pendekatan-pendekatan lain yang ditawarkan oleh pakar-pakar ekonomi fahaman *mainstream* (seperti fahaman *neo-classical*" dan fahaman *rational expectation hypothesis*"^v), walaupun ianya masih mungkin lagi dipertikaikan.

Secara ringkas, Minsky mengeluarkan suatu hipotesa yang berasaskan kepada suatu analisa terhadap interaksi gelagat dan tingkah-laku daripada aktor-aktor ekonomi sebagai '*profit-seeking/ maximizing entity*' ternyata memiliki sifat '*incoherent behavior*'. Tindak balas daripada kesemuanya akhirnya secara *endogenous* menyebabkan sistem kewangan, sebagai bagian daripada perekonomian kapitalis, boleh beranjak kepada kerapuhan dan ketak-stabilan kewangan (Minsky 1977b, 1972 dan Nasica 2000).

Oleh itu, kertas kerja ini akan berusaha untuk mengkaji apakah hipotesa yang diajukan oleh Minsky dapat diterapkan dalam menjelaskan krisis kewangan di Indonesia. Khususnya untuk melihat apakah memang terjadi suatu anjakan kearah ketak-stabilan dari

sistem kewangan sediaada. Sistem kewangan yang dimaksudkan disini ialah sistem kewangan dalam erti yang luas (secara makro dan mikro) dalam suatu perekonomian. Ianya sebagaimana yang telah ditakrifkan oleh Tsurumi (et al. 2001), iaitu termasuk evolusi daripada suatu sistem kewangan, bentuk dan struktur dasarnya, model operasinya dan jenis-jenis instrumen kewangan yang ditawarkan atau sediaada. Oleh itu analisis terhadap sistem kewangan yang dibuat dalam kertas kerja ini adalah bersifat komprehensif dan mengambil kira interaksi daripada gelagat/ tingkah laku diantara semua aktor-aktor dalam sistem kewangan. Ini adalah menepati asas pemikiran Minsky tentang sistem kewangan.

Kertas kerja ini terlebih dahulu akan membahas hipotesa dan hujah ketak-stabilan kewangan yang diajukan oleh Minsky, khasnya sifat dalaman (*endogenous*) dari wang, kerapuhan kewangan daripada sistem ekonomi kapitalis dan beberapa hujah lain beliau yang relevan dengan krisis kewangan. Kemudian juga akan dilihat ulasan dan hujah daripada pakar-pakar ekonomi lain yang tidak atau kurang sependapat dengan Minsky.

Dalam bahagian selanjutnya akan dibahas mengenai perkembangan daripada sistem kewangan di Indonesia yang akan dibahagikan dalam beberapa tahapan kitaran, iaitu tahap perubahan awal dan ekspansi, tahap kegairahan/ *euphoria*, tahap *distress* dan panik serta terjadinya krisis. Pembahagian tahapan kitaran tersebut dalam tahun-tahun atau periode tertentu merupakan pendapat/ hipotesa yang diajukan penulis berasaskan petunjuk-petunjuk sediaada yang boleh didapati dan alasan-alasan yang sesuai. Setelah itu akan dibincangkan beberapa petunjuk yang boleh menggambarkan kejatuhan ekonomi serta kerapuhan sistem kewangan yang terjadi. Pembahasan terhadap keberkesanan resipi IMF akan turut dibincangkan. Bahagian akhir kertas kerja akan memberikan kesimpulan yang boleh didapati daripada pembahasan dan penerapan hipotesa Minsky.